

Headline	DatumCorp promosi jenama untuk tambah jumlah pelabur		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	155,996
Page No	51	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	159 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,142
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,426



DatumCorp promosi jenama untuk tambah jumlah pelabur

KUALA LUMPUR - DatumCorp International Sdn. Bhd. (DatumCorp), anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah melancarkan kempen #DatumHomesforAll bertujuan untuk meningkatkan jenama projek hartanah Datum Jelatek dalam kalangan pelabur tempatan dan luar negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shytul Shahrin Mohamad Shaari berkata, syarikat telah menawarkan empat



AMIRUDIN (kiri) mendengar penjelasan mengenai projek hartanah Datum Jelatek di Datum Galeria, Jalan U Thant, Kuala Lumpur baru-baru ini.

pakej khusus kepada pelabur untuk meningkatkan pemilikan bagi projek hartanah tersebut.

Pakej tersebut ialah

The Voyager Pack, Wealth Boost Pack, Blooming Pack and Pro-C Pack yang mana ia direka untuk memenuhi keperluan unik

para pembeli individu.

“Projek kediaman itu memiliki sebanyak 708 unit dan sebanyak 108 unit rumah telah dijual.

“Sehingga kini, 50 peratus daripada unit tersebut telah dijual,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan yang dikeluarkan bersempena pelancaran kempen DatumHomesforAll di galeri jualan Datum Galeria, Jalan U Thant di sini baru-baru ini.

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.